

Potensi pembangunan keusahawanan sosial dalam kalangan belia di Malaysia

ABSTRAK

Aktiviti keusahawanan sosial merupakan bidang yang mengalami peningkatan serta diiktiraf di dunia dan juga di Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit maklumat mengenai latar belakang pengalaman kerjaya usahawan sosial dalam kalangan belia di Malaysia. Tujuan kertas kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka latar belakang pengalaman kerjaya usahawan sosial dalam kalangan belia di Malaysia. Penerokaan empirikal daripada kajian ini dapat memberi manfaat kepada pembangunan belia di Malaysia terutamanya dalam aspek aktiviti keusahawanan sosial. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu pengumpulan data dengan kaedah temu bual separa berstruktur. Dapatkan dari hasil kajian ini, terdapat empat tema yang dapat dipecahkan antaranya rangkaian, pengumpulan maklumat, pengetahuan tentang aktiviti keusahawanan sosial dan pengalaman bekerja.

Kata Kunci: Pengalaman kerjaya; Usahawan sosial belia; Aktiviti keusahawanan sosial